

Beri pasir percuma kepada syarikat swasta rugikan kerajaan Pahang

KUALA LUMPUR – Cadangan kerajaan negeri Pahang yang ingin memberikan kerja-kerja mendalamkan Sungai Pahang kepada sebuah syarikat swasta yang mahu mendapatkan pasir secara percuma sebagai upah kerja mendalamkan sungai dianggap satu tindakan yang akan membawa kerugian besar kepada rakyat kerana hasil pasir di negeri itu dianggarkan bernilai ratusan juta ringgit.

Pensyarah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob berkata, hasil pasir yang diperoleh daripada kerja-kerja mendalamkan Sungai Pahang mempunyai nilai yang tinggi kerana pasir diperlukan untuk sektor pembinaan

yang semakin rancak sekarang.

Beliau berkata, keputusan untuk memberikan kerja-kerja mengorek pasir secara percuma kepada syarikat swasta sudah tentu merugikan kerana kerajaan negeri boleh mendapatkan premium dan bayaran lesen daripada hasil bumi tersebut.

Beliau berkata, keputusan untuk memberikan kerja-kerja mengorek pasir secara percuma kepada syarikat swasta sudah tentu merugikan kerana kerajaan negeri boleh mendapatkan premium dan bayaran lesen daripada hasil bumi tersebut.

“Jika Pahang bercadang mahu memberikan kerja-kerja mengorek pasir bagi mendalamkan Sungai Pahang secara percuma kepada pihak swasta, ia boleh dianggap sebagai tindakan tidak masuk akal dan merugikan rakyat sahaja.

“Pasir tersebut merupakan hasil bumi Pahang, milik rakyat negeri itu. Jika diberi percuma kepada syarikat swasta, apa yang rakyat dapat selain

melihat lori keluar masuk mengambil hasil bumi negeri setiap hari,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Beliau mengulas cadangan kerajaan negeri tersebut yang mencadangkan cara itu bagi mengatasi masalah sungai cetek yang berlaku di Sungai Pahang sekarang.

Menurut Abu Sofian, kaedah terbaik adalah dengan mengadakan tender terbuka kepada syarikat swasta yang berminat mendapatkan hasil pasir di Sungai Pahang bagi membolehkan kerajaan negeri memperoleh keuntungan maksimum.

“Jika Pahang tidak mempunyai kepakaran dalam kerja-kerja mengorek pasir, ia boleh berikan tender kepada syarikat swasta. Pada masa yang sama, libatkan juga syarikat tempatan bagi membolehkan hasil diagihkan kepada semua rakyat,” ujarinya.



ABU SOFIAN